



**PEMILIHAN PEMAIN PASUKAN MAKSAB SABAH
KE KEJOHANAN TENPIN BOLING MAKSAB MALAYSIA 2016
DI NEGERI SEMBILAN PADA 13 - 16 OKTOBER 2016.**

1. Kelayakan

- 1.1 Pemilihan ini terbuka kepada semua kakitangan di bawah Kementerian, Jabatan serta Badan-Badan Berkanun di Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang berdaftar dengan Ahli Gabungan MAKSAB Sabah.
- 1.2 Kelonggaran penyertaan hanya diberi kepada mana-mana persatuan yang dalam proses memohon menjadi Ahli Gabungan MAKSAB Sabah dan kelulusan perlu diterima sebelum bermulanya pemilihan pada sesi ke-3.
- 1.3 Penyertaan dari kalangan kakitangan lantikan sementara atau kontrak, mestilah telah dilantik ke jawatan yang disandang tidak kurang dari 6 bulan sebelum pemilihan sesi ke-3 bermula.
- 1.4 Pemeriksaan dokumen akan dibuat sebelum bermulanya pemilihan sesi ke-3, dimana kakitangan yang berjawatan tetap perlu mengemukakan *penyata gaji* terkini. Bagi peserta yang berjawatan sementara atau kontrak, *salinan sah surat pelantikan, penyata gaji terkini dan penyata caruman KWSP* perlu dikemukakan kepada pihak penganjur.
- 1.5 Kakitangan sambilan yang telah berkhidmat lebih dari 6 bulan tetapi hanya menerima elaun, tidak layak mengambil bahagian dalam pemilihan ini.
- 1.6 Kakitangan yang berkhidmat di Syarikat-Syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkusa Tempatan, tidak layak mengambil bahagian dalam pemilihan ini.

2. Kategori

- 2.1 Pemilihan terbahagi kepada 2 kategori iaitu kategori lelaki dan kategori wanita.
- 2.2 MAKSAB Sabah akan memilih 10 pemain bagi setiap kategori dan hanya 9 pemain yang akan bermain pada Kejohanan tersebut.

3. Format Pemilihan

- 3.1 Pemilihan ini dibuat secara **individu** dan setiap peserta wajib mengikuti kesemua sesi pemilihan. Pemilihan akan dibuat sebanyak **3 sesi** dan setiap peserta akan bermain sebanyak **18 permainan** pada setiap sesi.
- 3.2 Jumlah jatuhan pin keseluruhan (Total Pin Fall) ketiga-tiga sesi pemilihan akan dikira bagi menentukan 10 pemain yang layak mewakili pasukan MAKSAK Sabah.
- 3.3 Sekiranya berlaku lebih dari seorang pemain yang mendapat jumlah jatuhan pin yang sama untuk merebut tempat 10 pemain yang terpilih maka jumlah jatuhan pin sesi pemilihan ke-3 akan diambil kira. Jika masih sama, maka jumlah jatuhan pin sesi pemilihan ke-2 akan diambil kira dan seterusnya sehingga pemenang dapat ditentukan. Jika masih sama maka satu permainan akan dijalankan bagi peserta-peserta yang terlibat.

4. Jadual Pertandingan Pemilihan

4.1 Sesi Pemilihan 1 (09 hingga 10 April 2016)

TARIKH	KATEGORI	MASA	JUMLAH PERMAINAN	TEMPAT
09 April 2016 (Sabtu)	Lelaki (Blok 1)	9.00 Pagi	9	CPS Bowl, Tingkat 8, Bangunan Centre Point
	Wanita (Blok 1)	2.00 Petang	9	
10 April 2016 (Ahad)	Wanita (Blok 2)	9.00 Pagi	9	
	Lelaki (Blok 2)	2.00 Petang	9	

4.2 Sesi Pemilihan 2 (29 hingga 30 Mei 2016)

TARIKH	KATEGORI	MASA	JUMLAH PERMAINAN	TEMPAT
29 Mei 2016 (Ahad)	Wanita (Blok 1)	9.00 Pagi	6	CPS Bowl, Tingkat 8, Bangunan Centre Point
	Lelaki (Blok 1)	2.00 Petang	6	
	Wanita (Blok 2)	7.00 Malam	6	
30 Mei 2016 (Isnin)	Lelaki (Blok 2)	9.00 Pagi	6	
	Wanita (Blok 3)	2.00 Petang	6	
	Lelaki (Blok 3)	7.00 Malam	6	

4.3 Sesi Pemilihan 3 (16 hingga 17 September 2016)

TARIKH	KATEGORI	MASA	JUMLAH PERMAINAN	TEMPAT
16 September 2016 (Jumaat)	Wanita (Blok 1)	9.00 Pagi	6	CPS Bowl, Tingkat 8, Bangunan Centre Point
	Lelaki (Blok 1)	2.00 Petang	6	
	Wanita (Blok 2)	7.00 Malam	6	
17 September 2016 (Sabtu)	Lelaki (Blok 2)	9.00 Pagi	6	
	Wanita (Blok 3)	2.00 Petang	6	
	Lelaki (Blok 3)	7.00 Malam	6	

5. Handicap

5.1 Handicap **TIDAK** diberi kepada semua pemain dalam sesi pemilihan ini.

6. Syarat-Syarat Khas

6.1. Undang-undang pertandingan ini adalah berdasarkan syarat-syarat pertandingan yang digunapakai. Pihak penganjur berhak untuk meminda atau menambah peraturan-peraturan pertandingan tanpa sebarang notis.

6.2 Sekiranya timbul perselisihan dari segi pentafsiran, undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan dirujuk.

6.3 Segala keputusan yang dibuat oleh pihak Jawatankuasa Pertandingan ini adalah muktamad.

6.4 Setiap peserta dikehendaki melapor diri dan mendaftar 30 minit sebelum pertandingan bermula (bagi semua acara).

6.5 Sekiranya terdapat peserta yang lewat selepas 3 frame pada game pertama, peserta berkenaan akan diberi *blindscore (90 pin)* bagi game tersebut dan hanya akan dibenarkan memulakan permainan dari game kedua hingga seterusnya.

6.6 Sekiranya terdapat peserta yang lewat datang selepas tamat game kedua, peserta tersebut tidak dibenarkan meneruskan permainan pada game ketiga dan seterusnya. Peserta terlibat akan dikira sebagai tidak layak menyertai acara yang dipertandingkan.

6.7 Pakaian dan Tatatertib:

6.7.1 Semua peserta diwajibkan memakai pakaian yang sesuai dan lazimnya dipakai dalam sukan Tenpin Bowling

6.7.2 Peserta lelaki dan wanita sama sekali tidak dibenarkan memakai **seluar pendek, seluar jeans dan topi;**

6.7.3 Merokok dan meminum minuman keras semasa kejohanan adalah dilarang;

6.7.4 Sekiranya terdapat peserta yang melanggar peraturan di atas, pihak penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan mereka dalam kejohanan ini.

6.8 Markah

6.8.1 Markah yang terapar di skrin markah setiap lorong adalah dikira sebagai markah rasmi;

6.8.2 Sekiranya berlaku kesilapan markah disebabkan masalah teknikal, Pengurus dikehendaki memaklumkan kepada "Lane Marshall" yang dilantik dengan segera. Pembetulan markah hanya boleh dilakukan oleh "Lane Marshall" yang dilantik oleh penganjur;

6.8.3 Bantahan terhadap sebarang markah hanya akan dilayan sekiranya dibuat sebelum balingan seterusnya dibuat.

6.9 Penipuan

6.9.1 Sekiranya didapati peserta cuba menipu dengan **mengubah markah atau kedudukan pemain** di skrin markah selepas atau semasa permainan berlangsung, maka secara automatik penyertaan pasukan tersebut akan terbatal dan tidak dibenarkan untuk meneruskan permainan.

6.10 Bantahan

6.10.1 Setiap bantahan semasa pertandingan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada **Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan** dalam tempoh masa 30 minit selepas sesuatu acara selesai beserta bayaran **RM500.00** yang tidak akan dikembalikan.

7. Yuran

7.1 Pemain hendaklah menjelaskan bayaran yuran penyertaan sebelum acara dimulakan pada setiap sesi pemilihan.

7.2 Berikut adalah yuran penyertaan bagi **setiap sesi pemilihan** :

NO	KATEGORI PESERTA	YURAN (RM)
1	Peserta Ahli Gabungan MAKSAK Sabah yang tersenarai 26 pemain/ Peserta Ahli Gabungan MAKSAK Sabah yang berkhidmat di Pantai Timur Sabah.	130
2	Peserta Ahli Gabungan MAKSAK Sabah yang tidak tersenarai 26 pemain/ Peserta Bukan Ahli Gabungan MAKSAK Sabah yang tersenarai 26 pemain/ Peserta Ahli Gabungan MAKSAK Sabah/ Peserta Bukan Ahli Gabungan MAKSAK Sabah yang berkhidmat di Pantai Timur Sabah.	140
3	Peserta Bukan Ahli Gabungan MAKSAK Sabah yang tidak tersenarai 26 pemain/ Bukan Ahli Gabungan MAKSAK Sabah.	150

8. Tarikh Tutup

Borang penyertaan hendaklah dihantar kepada pihak penganjur beserta dengan yuran penyertaan selewat-lewatnya pada **07 April 2016 (Khamis) jam 10.00 malam**.

9. Keterangan Lanjut

Sila layari laman web www.maksak.sabah.gov.my bagi mendapatkan borang pemilihan atau hubungi nama-nama yang tertera dibawah untuk penerangan lanjut:

Encik Mohd. Ridzuan Ramli	- 0198894678
Puan Rasemah Gulzuman	- 0138506676 Faks: 088270523
Encik Wasal Wasli	- 0198511533